

PERANCANGAN SISTEM TRAFIK DI TAPAK BINA

NURUL ASYIKIN BINTI HASBOLLAH

**Tesis ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi
Syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

APRIL, 2007

ABSTRAK

Perancangan sistem trafik di tapak bina berupaya mewujudkan aktiviti pembinaan yang teratur dan sistematik. Tanpa perancangan dan penyediaan sistem trafik yang efektif, maka kelancaran proses pembinaan boleh terganggu dan suasana kerja yang selamat dan selesa tidak dapat diperolehi. Produktiviti kerja juga akan menurun ketika melaksanakan aktiviti-aktiviti pembinaan dalam lingkungan kos dan tempoh masa projek yang telah ditetapkan. Justeru itu, perancang sistem trafik di tapak bina perlu mengenalpasti keperluan yang boleh mempengaruhi perancangan trafik. Corak aliran sistem trafik di tapak bina hendaklah bersesuaian dengan keadaan tapak bina supaya kesesakan trafik di dalam tapak bina dapat dielakkan. Sekiranya kesesakan trafik berlaku di tapak bina, maka hampir keseluruhan aktiviti di tapak bina akan terganggu. Objektif penyelidikan ini adalah untuk mengkaji pengamalan sistem trafik di tapak bina oleh pihak kontraktor dan mengenalpasti implikasi-implikasi perancangan sistem trafik oleh pihak kontraktor. Penyelidikan ini dilakukan dengan mengedarkan 20 borang soal selidik kepada pihak kontraktor merangkumi 10 buah projek pembinaan yang berlainan di negeri Melaka serta menjalankan temubual secara tidak berstruktur dengan pihak-pihak yang terlibat dalam pembinaan. Hasil kajian menunjukkan pihak kontraktor mengamalkan perancangan sistem trafik yang teratur dan sistematik di tapak bina dengan mengambilkira faktor-faktor yang boleh mempengaruhi penyediaan perancangan sistem trafik. Implikasi perancangan sistem trafik adalah meliputi aspek keselamatan di tapak bina, kos dan tempoh masa pembinaan, aktiviti tapak bina serta peningkatan produktiviti kerja pembinaan. Kesimpulannya, perancangan dan penyediaan sistem trafik berupaya mewujudkan suasana kerja yang selamat dan selesa di tapak bina.

ABSTRACT

An efficiently planned traffic system in construction site will ensure a systematic and organized construction. Without a proper planning and effective traffic system, the overall construction process will be disturbed; hence will create unsafe and conducive workplace. The quality of work productivity can be reduced while construction activities are carried out within the fixed cost and time limit of the project. To ensure a well planned traffic system, it is important for traffic system planner to determine the needs which influence traffic planning. If traffic congestion occurs, the entire activity will be interrupted. The objectives of this research are to study the traffic system practice at construction sites by contractors and to identify the implications of traffic planning. This research is done by distributing 20 questionnaires to contractor in 10 different construction projects in the state of Malacca and performing unstructured interviews with personnel in the construction industry. The study revealed that the contractor had practiced a systematic and organized traffic system at construction site by considering the factors that can influence the planned traffic system. The implications of efficiently planned traffic system in construction site are construction safety, construction site activity, construction cost and time limit, and increase of work productivity. It is concluded that planned traffic system will generate safety and comfortable work activity in construction site.